

## PENDAHULUAN

### A. Latar Belakang Kajian

Al-Quran, dalam tradisi pemikiran umat Islam, telah melahirkan teks turunan yang semakin luas dan sangat mengagumkan. Teks-teks turunan tersebut merupakan teks kedua selepas teks al-Quran, jika teks al-Quran itu dipandang sebagai teks yang pertama. Ia merupakan penjelasan terhadap makna-makna yang terkandung di dalam al-Quran. Teks kedua ini dikenal sebagai literature tafsir al-Quran. Ia ditulis oleh para ulama yang memiliki kecenderungan dan karakter tersendiri di dalam kitab-kitab tafsir mereka.

Apabila dibandingkan dengan kitab suci agama lain, sudah tentu al-Quran mempunyai fenomena yang unik, jumlah kitab yang menafsirkannya tidak sahaja banyak, namun corak dan bentuk metode yang digunakan juga pelbagai dan berbeza. Ini dapat dilihat pada tafsir *al-Dūr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr* karya Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (849-911 H),<sup>1</sup> *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyah al-Qur'ān* karya Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī (224-310 H),<sup>2</sup> dan *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* karya 'Imād al-Dīn Abū al-Fidā' al-Qurayshī al-Dimashqī Ibn Kathīr (700-774 H) yang banyak merujuk kepada data-data riwayat dalam proses pengungkapan terhadap makna-makna teks al-Quran.<sup>3</sup>

Begitu juga dalam karya tafsir yang lain seperti kitab *al-Jawāhir fī al-Qur'ān al-Karīm* karya Ṭanṭāwī Jawharī (w.876 H) yang banyak membicarakan tentang ilmu pengetahuan alam, *al-Kashshāf 'an Haqīqah al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl* karya Abū Qāsim Jār Allāh Maḥmūd ibn 'Umar al-Khawārizmī al-

---

<sup>1</sup> 'Abd al-'Azim Ahmad al-Ghabishi, *Tārīkh al-Tafsīr wa Manāhij al-Mufasssīrīn* (Kaherah : Dār al-Ṭibā'ah al-Muhammadiyah, 1971), 43.

<sup>2</sup> Khair al-Din al-Dhirikli, *al-A'lām* (Beirut: Dār al-'Ilm lī al-Malāyin, 1980), 6:69.

<sup>3</sup> Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia* (Jakarta Selatan: Penerbit Teraju, 2002), 17.

Kepelbagaian kitab-kitab tafsir itu tidak terlepas daripada masalah metode dan pendekatan pentafsiran yang digunakan oleh para mufasir. Ia dipengaruhi oleh lingkungan sosial budaya, politik, ekonomi dan agama di persekitaran para mufasir. Selanjutnya kepelbagaian tersebut sudah tentu akan membawa pengaruh terhadap pemikiran umat Islam dari semasa ke semasa. Perbezaan antara satu mufasir dengan mufasir yang lain telah melahirkan aliran-aliran tafsir dalam dunia Islam secara amnya, termasuklah di Indonesia.<sup>6</sup>

Pada pertengahan abad ke-20 perkembangan pengajian tafsir di Indonesia semakin meningkat. Hal ini disebabkan beberapa faktor: Pertama, beberapa tokoh intelektual muslim Indonesia mulai menjalin hubungan erat dengan beberapa tokoh di Timur Tengah.<sup>7</sup> Di antara tokoh yang mempunyai hubungan erat dengan tokoh-tokoh intelektual Indonesia itu ada yang membawa idea pembaharuan, seperti Shaykh Jamāl al-Dīn al-Afghānī (1245-1315 H/ 1838-1897 M), Shaykh Muḥammad ‘Abduh (1265-1354 H/ 1849-1905 M), dan Shaykh Muḥammad Rashīd Riḍā (1282-1354 H/ 1865-1935 M). Ketiga tokoh ini adalah penggerak perubahan dan

---

<sup>4</sup> Mustaffa Abdullah, *Rashid Rida: Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009), 141.

<sup>5</sup> Islah Gusmian, *Khazanah Tafsir Indonesia*, 17.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> *Ibid.*, 30.

pembaharuan terhadap nilai-nilai Islam di Mesir iaitu negara yang banyak melahirkan tokoh pemikir pergerakan Islam.<sup>8</sup>

Shaykh Muḥammad ‘Abduh dan Muḥammad Rashīd Riḍā telah berjaya mengarang tafsir al-Quran yang dikenali sebagai *Tafsīr al-Manār*. Tafsir ini memiliki pengaruh yang amat besar bagi perkembangan kitab tafsir yang semasa dengannya mahupun kitab-kitab tafsir lain yang terbit pada kemudiannya.<sup>9</sup>

Asas bagi kitab tafsir al-Quran yang diterbitkan atau muncul pada abad ke-20 dan ke-21 banyak mendapat inspirasi dari *Tafsīr al-Manār*. Di antaranya *Tafsīr al-Marāghī*,<sup>10</sup> *Tafsīr al-Qāsimī* dan *Tafsīr al-Jawāhir* karya Ṭanṭāwī Jawharī.<sup>11</sup>

Kedua, kesan daripada usaha pembaharuan dan gerakan pentafsiran al-Quran di Mesir serta negara-negara Islam lainnya, para cendekiawan muslim Indonesia juga turut terlibat dalam usaha dan gerakan ini. Mereka bertungkus lumus berusaha melakukan penterjemahan dan pentafsiran al-Quran ke dalam bahasa Indonesia.<sup>12</sup>

Para cendekiawan muslim Indonesia yang terpengaruh dengan idea pembaharuan itu terdiri daripada beberapa generasi, iaitu :

Generasi pertama, bermula pada awal abad ke-20 yang ditandai dengan adanya penterjemahan dan pentafsiran yang masih terpisah-pisah. Generasi kedua, pada abad pertengahan abad ke-20, mereka merupakan pelengkap kepada usaha generasi pertama. Mereka menterjemahkan al-Quran dengan lengkap, bahkan ia turut disertai dengan catatan kaki, terjemahan perkata dan kadang-kadang disertai juga dengan

---

<sup>8</sup> Ahmad Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir* (Bandung : Tafakur (IKAPI), 2007), 25.

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tarjamah Tafsir al-Maraghi* (Yogyakarta: Sumber Ilmu, 1985), ii.

<sup>11</sup> Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir*, 26.

<sup>12</sup> Howard M. Federspiel, *Kajian al-Quran di Indonesia dari Mahmud Yunus hingga Quraish Shihab*, terj. Tajul Arifin, ed. Ke-2 (Bandung: Penerbit Mizan, 1996), 129.

indeks yang sederhana. Terdapat dua buah kitab tafsir terkenal yang mewakili metode pentafsiran generasi kedua ini, yaitu karya Ahmad Hassan yang berjudul *al-Furqan*, dan karya Mahmud Yunus yang berjudul *Tafsir al-Quran al-Karim*.<sup>13</sup>

Generasi ketiga pula bermula pada tahun 1970-an, mereka mentafsirkan al-Quran dengan lengkap dan disertai dengan komen-komen yang luas terhadap teks al-Quran.<sup>14</sup> Tafsir-tafsir pada generasi ini juga ditandai dengan adanya kata pengantar dan indeks serta dimasukkan perbincangan-perbincangan yang mendalam tentang isi kandungannya, tajuk-tajuknya serta latarbelakang penurunan al-Quran. Karya tafsir generasi ketiga ini diwakili oleh *Tafsir al-Bayan* karya TM Hasbi al-Shiddieqy,<sup>15</sup> dan *Tafsir al-Azhar* karya Haji Muhammad Abdul Karim Amrullah (HAMKA).<sup>16</sup> Tafsir generasi yang ketiga ini banyak dipengaruhi oleh idea pembaharuan yang dibawa oleh Shaykh Muḥammad ‘Abduh.<sup>17</sup>

Kemudian perkembangan tafsir di Indonesia dilanjutkan oleh generasi kontemporari yang memiliki sedikit perbezaan dalam metode dan pendekatan pentafsiran dengan generasi yang ketiga. Ciri utama pentafsiran kontemporari adalah pentafsiran dikembangkan melalui metode tematik, kontekstual dan pendekatan ilmu kontemporari.<sup>18</sup>

Para mufasir sebelumnya cenderung menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan metode *taḥlīlī* (analisis), sedangkan mufasir kontemporari lebih banyak menggunakan metode *ijmālī* (global), *mawdū‘ī* (tematik). Selain itu mereka juga mentafsirkan ayat-ayat tertentu dengan menggunakan pendekatan moden seperti

---

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*, 137.

<sup>15</sup> Teungku Muhammad Hasbi al-Shiddieqy, *Tafsir al-Quran al-Majid al-Nur*, ed. ke-2 (Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra, 2000), iii.

<sup>16</sup> HAMKA, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982), 1:2.

<sup>17</sup> Howard M. Federspiel, *Kajian al-Quran*, 137.

<sup>18</sup> Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir*, 216.

semantik<sup>19</sup>, analisis jender, semiotik<sup>20</sup>, dan hermeneutik.<sup>21</sup> Dua tokoh yang menggunakan pendekatan ini adalah MQS dalam *Wawasan al-Quran* dan Dawam Rahardjo dalam *Ensiklopedia al-Quran*.<sup>22</sup>

Demikianlah sedikit perbincangan tentang sejarah tafsir di Indonesia dari satu generasi ke generasi. Namun yang menarik perhatian pengkaji ialah pentafsiran al-Quran di Indonesia amat terpengaruh dengan aliran pembaharuan yang berkembang di Timur Tengah. Oleh itu, pengkaji cuba mendalaminya dengan menjadikan dua tokoh yang terkemuka di Indonesia sebagai sampel kajian. Mereka adalah Haji Muhammad Abdul Karim Amrullah dan M. Quraish Shihab.<sup>23</sup>

Kedua tokoh ini merupakan tokoh pembaharuan di Indonesia dalam idea-idea dan pemikirannya, HAMKA adalah salah seorang ulama yang berada pada awal pembaharuan sebelum kemerdekaan dan pada awal kemerdekaan. Sedangkan MQS adalah salah seorang ulama yang berada pada masa pembaharuan itu sendiri, yang banyak menyumbangkan idea-idea pemikirannya selepas kemerdekaan sehinggalah pada hari ini (2013 M). Mereka adalah ulama-ulama yang diakui keilmuannya di alam Nusantara. Namun demikian, sudah tentu masing-masing memiliki kelebihan dan kekurangan yang patut disoroti dan dikaji.

Salah satu contoh perbezaan yang ada di dalam pentafsiran HAMKA dan MQS adalah mengenai mengucapkan selamat Hari Natal (Krismas). Menurut HAMKA mengucapkan selamat Hari Natal (Krismas) adalah dilarang dengan dalil bahawa mengucapkan hal sedemikian kepada orang-orang Kristian bererti seseorang itu telah mengakui Nabi Isa AS adalah sebagai Tuhan, kerana dalam pandangan

---

<sup>19</sup>Semantik adalah bahagian daripada ilmu bahasa yang mempelajari tentang makna kata; Tim Reality, Kamus Terbaru Bahasa Indonesia (Surabaya: Reality Publisher, 2008), 584.

<sup>20</sup>Semiotik adalah segala sesuatu yang berhubungkait dengan sistem tanda dan lambang dalam kehidupan; *ibid.*, 585.

<sup>21</sup>Hermeneutik adalah ilmu tentang pentafsiran, pemahaman dan penjelasan terhadap sesuatu ilmu; *ibid.*, 356.

<sup>22</sup>Izzan, *Metodologi Ilmu Tafsir*, 216.

<sup>23</sup>Selepas ini dalam penulisan akan disingkatkan nama kedua mufasir ini dengan HAMKA dan MQS.

mereka, Isa (Yesus) adalah sebagai anak Tuhan. Padahal pada hakikatnya apabila seorang Muslim mengakui pandangan penganut Kristian tersebut ianya boleh membawa kepada kekufuran.<sup>24</sup>

Sedangkan menurut MQS mengucapkan selamat Hari Natal (Krismas) kepada penganut Kristian adalah dibolehkan dengan alasan bahawa Allah SWT telah mengabadikan dan merestui ucapan tersebut yang diucapkan pertama kali oleh Nabi Isa AS.<sup>25</sup> Sepertimana Nabi Muhammad SAW juga merayakan hari keselamatan Nabi Musa AS dari kezaliman Fir'aun dengan melaksanakan puasa Asyura.<sup>26</sup>

Itulah di antara perbezaan pandangan antara dua ulama besar ini. Selain itu terdapat pebezaan-perbezaan yang lain dalam pentafsiran mereka. Ia akan dijadikan salah satu perbincangan kajian ini.

Oleh itu, pengkaji melakukan kajian ini untuk melihat dan mendalami sejauh mana pembaharuan yang dibawa oleh HAMKA dan MQS dalam mentafsirkan al-Quran khususnya di Indonesia, sama ada pembaharuan tersebut sesuai dengan apa yang dimaksudkan oleh al-Quran mahupun sebaliknya.

## **B. Masalah Kajian**

HAMKA ketika mentafsirkan al-Quran mengikut keadaan semasa yang berlaku di persekitarannya. Sebagai contoh, HAMKA berpendapat bahawa seorang wanita sebaiknya memakai pakaian yang sopan berlandaskan keimanan, sehingga pengaruh daripada pendapatnya ini menyebabkan hampir keseluruhan wanita, khususnya di Sumatera Barat memakai pakaian sopan dan bertudung.

---

<sup>24</sup> HAMKA, *Tafsir al-Azhar* ( Jakarta: PT Pustaka Panjimas, 1983), 6:186.

<sup>25</sup> MQS, *Tafsir al-Misbah* (Jakarta: Lentera Hati, 2006), VIII: 184

<sup>26</sup> MQS, *Tafsir al-Misbah* (Jakarta: Lentera Hati, 2004), XVI: 182.

Begitu juga dengan MQS di mana pentafsirannya tentu sesuai pula dengan keadaan yang semasa dengannya. Menurut MQS memakai tudung tidaklah wajib,<sup>27</sup> namun pengkaji melihat pengaruh daripada pendapat ini secara khususnya di Jakarta mempunyai kesan yang sangat kuat sehinggakan di Jakarta seorang wanita muslimah merasakan pemakaian skirt itu adalah sesuatu perkara yang biasa. Malahan, pemakaian sedemikian dianggap biasa apabila mendatangi masjid untuk menunaikan solat tanpa menutup aurat. Jadi di antara kedua ulama tersebut terdapat perbezaan dalam mentafsirkan al-Quran mengikut suasana semasa mereka.

Berdasarkan permasalahan di atas, maka muncul satu persoalan yang menjadi fokus dalam kajian ini, iaitu apakah pendekatan yang digunakan oleh mufasir *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir al-Misbah* dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran? Apakah pendekatan itu terlalu berbeza atau terdapat persamaan di antara keduanya ?

Lebih lanjut, pengkaji juga mengemukakan beberapa soalan lain dalam kajian ini, iaitu:

1. Soalan utama.

Apakah pendekatan tafsir aliran pembaharuan dapat memberikan solusi bagi permasalahan-permasalahan yang berkembang dalam masyarakat muslim? Dan adakah ia dapat diterima oleh mereka atau akan terjadi permasalahan yang lebih berat dan bukannya memberikan solusi?

2. Soalan sokongan.

Apakah aliran pemikiran yang berkembang pada masa pembaharuan dan bagaimanakah ia mempengaruhi pemikiran HAMKA dan MQS dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran?

---

<sup>27</sup> MQS, *Tafsir al-Misbah* (Jakarta: Lentera Hati, 2002), vol. 9: 333

Soalan utama di atas akan menghasilkan kesimpulan asas dalam kajian ini, sedangkan soalan sokongan pula menyokong kesimpulan asas itu. Soalan-soalan tersebut akan membimbing pengkaji untuk melakukan kajian dan mencapai kesimpulan.

### **C. Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah :

1. Memperkenalkan pemikiran HAMKA dan MQS serta mengetahui jenis pendekatan yang digunakan oleh mereka dalam pentafsiran al-Quran.
2. Mengkaji tentang sejarah aliran pembaharuan dalam dunia Islam secara amnya dan menjelaskan sejarah aliran pembaharuan di Indonesia khususnya, serta mengkaji sejarah awal perkembangan pentafsiran al-Quran di Indonesia.
3. Mengkaji pentafsiran HAMKA dan MQS terhadap ayat-ayat yang berhubungan dengan tasawuf, sosial, politik dan ekonomi dalam *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir al-Misbah*.
4. Membandingkan pentafsiran HAMKA dalam *Tafsir al-Azhar* dengan pentafsiran MQS dalam *Tafsir al-Misbah* berkaitan dengan aspek tasawuf, sosial, politik dan ekonomi.

### **D. Kepentingan Kajian**

Secara umumnya, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para mahasiswa dan mahasiswi yang menjurus dalam bidang tafsir al-Quran. Diharapkan juga agar kefahaman yang diperoleh daripada kajian ini dapat menghasilkan keyakinan bahawa al-Quran adalah kitab yang sesuai dengan segala zaman. Apapun



jua bentuk pembaharuan yang sudah terjadi dan akan terjadi semestinya berlandaskan kepada kefahaman al-Quran dan sesuai dengan pembaharuan yang dimaksudkan oleh al-Quran.

Secara khususnya pula, kajian ini berguna kepada mereka sama ada untuk membezakan antara satu pembaharuan yang sudah terjadi dengan pembaharuan-pembaharuan yang akan terjadi dengan perkembangan zaman yang semakin canggih.

Ringkasnya, kajian ini membantu untuk menghindarkan fahaman-fahaman yang salah terhadap al-Quran. Sepertimana orang-orang yang berfahaman liberal mengatakan al-Quran sebagai kitab kuno, kitab yang tidak lagi sesuai untuk kemajuan dan sudah ketinggalan zaman. Kajian ini akan memperlihatkan betapa kedua-dua mufasir iaitu HAMKA dan MQS berusaha untuk memberi kefahaman kepada masyarakat, bahawa al-Quran adalah kitab yang menjawab permasalahan umat pada zaman yang berbeza dengan pentafsiran yang berbeza terhadap pembaharuan.

## **E. Kajian Lepas**

Sudah banyak para sarjana mengkaji *Tafsir al-Azhar* karya HAMKA, seperti; *Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar* yang ditulis oleh Yunan Yusuf, kajian ini merupakan hasil penelitian disertasinya di Universiti Islam Negeri Jakarta. Menurut kajian ini, HAMKA dilihat sebagai seorang ulama yang mempunyai faham teologi namun pemikiran yang dibawa oleh HAMKA tidak keseluruhannya sejalan dengan pemikiran kalam yang di bawa oleh Mu'tazilah dan Maturidiyah Samarkand. Kajian ini hanya fokus pada masalah corak pemikiran teologi HAMKA dalam tafsirnya.<sup>28</sup>

---

<sup>28</sup> Yunan Yusuf, "Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar, Sebuah Telaah Atas Pemikiran HAMKA Dalam Teologi Islam," ( tesis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Negeri Jakarta, 1990), 172.

Begitu juga Abd Chair menulis disertasi dengan tajuk *Pembaharuan Pemikiran HAMKA Dalam Akidah Tasawuf dan Sosial Politik*. Kajian ini membahas masalah akidah, di antaranya membahas permasalahan akal, konsep iman, *qudrat* dan *iradat* Tuhan. Menurut penilaian Abd Chair, HAMKA membahagikan kemampuan akal untuk mengetahui lima perkara iaitu mengetahui tentang Tuhan, akal dapat mengetahui baik mahupun buruk, akal dapat mengetahui kewajipan mengerjakan yang baik dan meninggalkan yang buruk dan akal juga dapat mengetahui tentang adanya kehidupan akhirat.

Abd Chair memberi kesimpulan bahawa HAMKA memberikan kedudukan yang tinggi kepada akal lebih tinggi dibandingkan dengan aliran Mu'tazilah sendiri. Kajian ini juga menyatakan bahawa pemikiran HAMKA tentang tasawuf adalah sangat positif, berbeza dengan mufasir yang lainnya.<sup>29</sup>

Kitab tafsir *Tafsir al-Misbah* karya MQS dianggap masih baru diterbitkan, namun sudah banyak para sarjana yang mengkaji tentang kitab tafsir ini, seperti; *Pemikiran-Pemikiran MQS Dalam Mentafsirkan Al-Quran*, yang ditulis oleh Zakiar, seorang pelajar UKM. Menurut kajian ini, MQS banyak merujuk kepada buku *Tafsir al-Quran al-Karim Tafsir atas Surah-surah Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya Wahyu*, karya Shaykh Muḥammad 'Abduh.<sup>30</sup>

Demikian juga Anis Rahmawati, Mahasiswi S-1 UIN Yogyakarta, menulis satu kajian tentang tafsir MQS yang bertajuk *Munasabah Dalam Tafsir al-Misbah Karya M. Quraish Shihab*. Menurut Anis Rahmawati, MQS banyak membincangkan tentang hubungkait antara ayat (Munāsabah al-Āyah), dan beliau menyimpulkan

---

<sup>29</sup> Abd Chair, "Pembaharuan Pemikiran HAMKA Dalam Akidah Tasawuf dan Sosial Politik," (tesis, Fakulti Usuluddin, Universiti Syarif Hidayatullah Jakarta, 1996), 17.

<sup>30</sup> Zakiar, "Corak Pentafsiran MQS, Suatu Tinjauan Keatas Tafsir al-Quran al-karim : Tafsir Atas Surah Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya," (tesis, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 10.

bahawa Munasabah ayat yang dimaksudkan MQS adalah keserasian antara satu ayat dengan yang lain dalam al-Quran.<sup>31</sup>

Begitu juga Abudin Nata melakukan kajian bertajuk model pentafsiran MQS, skop kajian ini lebih fokus pada kajian-kajian MQS terhadap beberapa karya tafsir seperti Studi Kritis terhadap Tafsir al-Manār Karya Muḥammad ‘Abduh dan Rashīd Riḍā. Menurut Abudin kajian tafsir yang dikembangkan oleh MQS bersifat eksploratif, deskriptif, analisis dan perbandingan.<sup>32</sup>

Manakala penulisan berbentuk artikel ditulis oleh Arief Subhan dengan tajuk *Menyatukan Kembali Al-Quran dan Umat* mengkaji pemikiran MQS. Kajian ini hanya membincangkan pemikiran MQS secara umum dan tidak memfokuskan kepada pembaharuan.<sup>33</sup>

Kusmana menulis tentang Prof. M.Quraish Shihab, MA: Membangun Citra Institusi. Kajian ini memfokuskan pada pemikiran-pemikiran MQS, sumbangannya terhadap perguruan tinggi, juga terhadap kajian tentang pemikiran beliau tentang tafsir, namun sangat terbatas.<sup>34</sup>

Dengan demikian penyelidikan ini adalah merupakan pelengkap dari penyelidikan yang sudah sedia ada sebelumnya, serta diharapkan ianya dapat dijadikan sumbangan kecil bagi khazanah intelektual Islam, khususnya idea-idea gerakan pembaharuan dalam bidang tafsir al-Quran.

---

<sup>31</sup> Anis Rahmawati, "Munasabah Dalam Tafsir al-Misbah Karya MQS, suatu kajian terhadap keserasian antara satu ayat dengan ayat yang lainnya," (tesis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Negeri Yogyakarta, 2004), 12.

<sup>32</sup> Abudin Nata, *Model Pentafsiran M. Quraish Shihab dalam Metodologi Studi Islam* (Jakarta : PT. Raja Grafindo Persada, 2002), 166.

<sup>33</sup> Arief Subhan, "Menyatukan Kembali al-Quran dan Umat Menguak Pemikiran M.Qurasih Shihab," *Jurnal Ilmu dan Kebudayaan Ulumul Quran (UQ)* 5 (1993), 13-14.

<sup>34</sup> Kusmana, *Prof. Dr. H. M. Quraish Shihab, Membangun Citra Institusi*, Badri Yatim dan Hamid Nasuhi, *Membangun Pusat Unggulan Studi Islam Sejarah dan Profil Pimpinan IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta*, IAIN Jakarta Press, 2002), 254-259.

## **F. Skop Kajian**

Mengkaji tafsir yang berhubungkait dengan aliran pembaharuan secara keseluruhan merupakan satu bidang yang luas dan umum serta memerlukan perbahasan yang panjang. Oleh itu, pengkaji perlu membatasi dan menyederhanakannya sehingga nampak lebih spesifik dan lebih fokus.

Oleh sebab itu, kajian ini hanya menjelaskan perkara-perkara penting yang berhubungkait dengan pendekatan pentafsiran tafsir aliran pembaharuan yang berlaku di Indonesia. Perkara-perkara tersebut ialah yang berhubungkait dengan bidang tasawuf, politik, ekonomi dan sosial budaya yang terjadi di Indonesia, ciri-ciri yang membezakan antara tafsir aliran di awal pembaharuan dengan aliran pada masa pembaharuan itu sendiri berlangsung, sejarah perkembangan aliran pembaharuan di Indonesia terutamanya dalam bidang tafsir al-Quran, dan karya-karya yang ditulis dalam bidang ini.

Kajian ini hanya ditumpukan kepada dua orang ulama aliran pembaharuan Islam dalam bidang ini iaitu HAMKA dan MQS. Demikian juga, mengkaji kedua-dua ulama itu adalah masih luas, kalau dikaji seluruh aspek kehidupannya dengan terperinci, sudah tentu kajian ini tidak memadai. Oleh itu, pengkaji mengkhususkan kepada beberapa aspek sahaja yang pengkaji yakini sangat berpengaruh terhadap kehidupan dan hasil karya mereka.

Aspek tersebut ialah keadaan semasa mereka, latar belakang kehidupan keluarga, pendidikan dan kerjaya serta hasil karya yang sudah mereka tulis. Kemudian, karya tafsir mereka berdua juga merupakan suatu bahan kajian yang memerlukan kajian yang luas, kerana apabila mengkajinya dari pelbagai sudut sudah tentu menemui banyak hal, maka untuk memastikan agar kajian ini tidak lari jauh daripada objektif yang telah ditetapkan, kajian berkenaan karya mereka ini akan

memfokuskan pada aspek pendekatan pentafsiran ayat-ayat al-Quran, begitu juga pentafsiran mereka dalam hal yang berhubungkait dengan pembaharuan dari aspek tasawuf, politik, ekonomi dan sosial budaya sahaja.

## **G. Metodologi Kajian**

### **1. Metode penentuan subjek**

Kajian yang dilakukan ini adalah bersifat perpustakaan (*library research*). Hal ini dapat dilihat daripada ciri-ciri kajian ini. Hal ini kerana dalam memperoleh data dan fakta, pengkaji merujuk kepada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Bahan-bahan tersebut berbentuk dokumen-dokumen yang tersimpan dalam buku, jurnal, ensiklopedia, kertas kerja, CD dan internet. Selanjutnya, bahan-bahan yang diperoleh akan ditentukan dan dianalisis dengan menggunakan metode-metode berikut.

Metode-metode tersebut ialah metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode penganalisan data. Langkah pertama yang pengkaji lakukan sebelum mengumpulkan bahan-bahan dalam suatu kajian ialah menentukan subjek yang akan dikaji. Maka setelah melalui pelbagai pertimbangan, pengkaji telah memutuskan untuk menjadikan tajuk kajian ini sebagai : ***Tafsir Aliran Pembaharuan di Indonesia, Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Azhar oleh HAMKA dan Tafsir al-Misbah oleh MQS.***

Kajian ini mengandungi empat asas perbincangan : pertama, kehidupan HAMKA dan MQS; kedua, aliran pembaharuan dalam dunia Islam dan sejarah pentafsiran al Quran di Indonesia serta perkembangannya; ketiga, perbandingan *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir al-Misbah* dalam aspek tasawuf, politik, ekonomi dan

sosial budaya. Dan keempat, perbandingan pemikiran HAMKA dan MQS dalam pentafsiran.

## 2. Metode pengumpulan data

Metode pengumpulan data merupakan suatu cara mendapatkan atau mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi tujuan penyusunan.

Bagi tujuan ini sebagaimana yang telah dijelaskan dalam perbahasan di atas, pengkaji menggunakan bentuk kajian perpustakaan (*library research*). Di antara perpustakaan yang menjadi tumpuan penyelidikan pengkaji ialah:

- a. Perpustakaan APIUM Malaysia.
- b. Perpustakaan Awam Malaysia.
- c. Perpustakaan Nasional Jakarta-Indonesia.
- d. Perpustakaan UIA Malaysia.
- e. Perpustakaan utama UIN Jakarta-Indonesia.
- f. Perpustakaan pasca sarjana UIN Jakarta-Indonesia.

Untuk penyelidikan perpustakaan pengkaji menggunakan metode historis, dokumentasi dan menganalisis data:

### a. Metode Historis

Metode ini digunakan untuk meneliti dan menganalisa segala data dan fakta yang berunsurkan sejarah. Metode ini pengkaji gunakan dalam pengumpulan data dan fakta yang berhubung dengan sejarah perkembangan tafsir aliran pembaharuan, khususnya di Indonesia dan latar belakang kehidupan kedua-dua ulama.

### b. Metode Dokumentasi.

Metode ini digunakan untuk menganalisa mana-mana dokumen atau bahan bertulis yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara yang hendak

dikaji. Setelah mencari dan meneliti dokumen yang berkaitan dengan kajian ini, hasil dari pemeriksaan dan penelitian tersebut pengkaji telah mengumpulkan dokumen-dokumen penting yang berkaitan dengan kajian, terutamanya kitab tafsir HAMKA *al-Azhar* dan kitab tafsir MQS *al-Misbah*. Ia merupakan dokumen terpenting di antara dokumen-dokumen tersebut.

c. Metode Temubual.

Metode temubual adalah metode untuk mendapatkan maklumat dan fakta-fakta kajian melalui kaedah dengan cara menemubual tokoh-tokoh yang menjadi kajian perbandingan dalam kajian ini. Metode ini dilakukan secara sistematik, akademik dan teratur dengan menggunakan saluran komunikasi secara wajar dan lancar.

Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data primer secara langsung daripada salah seorang tokoh yang masih hidup di antara dua tokoh yang menjadi perbandingan dalam kajian ini dan beliau adalah MQS.

Pengkaji cuba mendapatkan maklumat yang paling asas dalam kajian ini daripada MQS. Pengkaji berusaha mencari alamat di mana MQS menetap. Pengkaji mendapatkan maklumat daripada pelajar-pelajar Universiti Islam Negeri Jakarta bahawa MQS menetap di Ciputat Jakarta. Di sana beliau memiliki gedung percetakan buku yang terkenal dengan nama Lentera Hati. Di tempat inilah beliau menerbitkan buku-buku selain mendidik dan memberi tunjuk ajar beberapa orang pelajar yang berminat dalam bidang tafsir. Di gedung Lentera Hati inilah pengkaji cuba menemubual tokoh MQS iaitu pada pertengahan bulan Julai tahun 2009 M.

Tidak banyak maklumat yang pengkaji perolehi daripada tokoh MQS, perjalanan temubual pengkaji dengan beliau juga hanya berlangsung selama lebih kurang dalam masa 10 minit sahaja. Hal ini disebabkan kesibukan beliau menyambut para tetamu yang datang daripada luar negara. Beliau telah memberikan

saranan kepada pengkaji untuk membaca buku-buku karangan beliau sahaja, sebab menurut beliau kandungan pertanyaan pengkaji sama sahaja dengan apa yang telah dihasilkan dalam karya-karya yang beliau tulis .

### 3. Metode Analisis Data :

Data-data yang diperoleh dan dikumpul akan dianalisis untuk menghasilkan kesimpulan yang boleh dipertanggungjawabkan dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji merumuskan kesimpulan tersebut dengan menggunakan metode-metode berikut :

#### a. Metode induktif.

Metode induktif ini merupakan salah satu cara menganalisis data dengan menggunakan pola berfikir dengan mencari dalil-dalil yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil umum. Metode ini pengkaji gunakan dalam menganalisis data-data dan fakta yang berkaitan dengan metodologi kedua-dua ulama tersebut dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran.

#### b. Metode Deduktif

Sedangkan dalam metode deduktif pula, pengkaji akan mengumpul dan mengambil data-data serta fakta-fakta yang bersifat umum, kemudian memperincikannya untuk menjadikannya lebih jelas dan luas. Metode ini umumnya digunakan dalam kajian pada perbahasan bab pertama, kedua, ketiga, dan keempat.

#### c. Metode komparatif

Metode komparatif adalah cara menganalisis data dengan melakukan penelitian yang bersifat membandingkan antara beberapa data dan fakta yang diperoleh, kemudian mengambil kesimpulan setelah melakukan perbandingan di antara data dan fakta tersebut. Metode ini pengkaji gunakan pada perbahasan bab kedua, bab ketiga, bab keempat dan bab kelima. Metode komparatif ini akan mendominasi kajian ini kerana



sesuai dengan tajuk kajian ini. Metode ini digunakan untuk menjelaskan tentang perbezaan aliran yang terdapat dalam kedua-dua tafsir yang dikaji.

## **H. Pengertian Tajuk Kajian**

Sepertimana dijelaskan di atas, pengkaji telah memilih tajuk kajian ini : *“Tafsir Aliran Pembaharuan Di Indonesia : Kajian Perbandingan Antara Tafsir Al-Azhar Oleh HAMKA Dan Tafsir Al-Misbah Oleh M. Quraish Shihab.”*

Untuk menjelaskan maksud tajuk kajian ini, pengkaji terlebih dahulu akan menghuraikan perkataan yang penting dalam tajuk ini.

Tafsir aliran pembaharuan merupakan salah satu corak pentafsiran al-Quran yang menjelaskan maksud daripada ayat-ayat al-Quran mengikut perkembangan zaman. Ia berlandaskan kepada kepercayaan bahawa al-Quran itu seiring dengan kemajuan zaman. Kerana al-Quran adalah kitab panduan yang sesuai diterapkan di setiap zaman dan tempat.<sup>35</sup>

Perkataan kajian berasal daripada kata kaji. Kata kerjanya adalah mengkaji yang bermakna menyelidik dan meneliti dengan mendalam dan terperinci.<sup>36</sup> Perkataan mengkaji mempunyai makna menyelidik dan meneliti secara mendalam atau terperinci supaya jelas hakikat kebenaran sesuatu.<sup>37</sup>

Perkataan perbandingan pula bermaksud imbalan, perimbangan dan persamaan. Apabila ditambah dengan imbuhan (mem) dan akhiran (kan) tanpa membuang imbuhan (per) maknanya akan menjadi memperbandingkan, atau dengan

---

<sup>35</sup>Rif’at Syauqi Nawawi, *Rasionalitas Tafsir Muhammad Abduh, Kajian Masalah Akidah dan Ibadat* (Jakarta: Penerbit Paramedina, 2002), 97.

<sup>36</sup>Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 657, entri ”kaji.”

<sup>37</sup>*Ibid.*

membuang (per) menjadi makna membandingkan. Maka ianya bermaksud melihat atau menunjukkan persamaan dan perbezaan di antara dua perkara.<sup>38</sup>

HAMKA merupakan salah seorang ulama Indonesia yang membawa fahaman pembaharuan Islam, terutama di alam Minangkabau. Nama sebenar beliau adalah Haji Abdul Malik Karim Amrullah dilahirkan pada 17 Februari 1908 M (14 Muharam 1326 H).

Beliau memiliki banyak karya akan tetapi karya beliau yang terkenal dan menyerlahkan namanya di alam Nusantara adalah kitab *Tafsir al-Azhar*.<sup>39</sup>

Beliau lebih banyak mendapatkan ilmu dengan belajar melalui *halaqah-halaqah* yang dipimpin oleh ulama-ulama yang memiliki kepakaran yang berbeza-beza, baik di Indonesia mahupun di Timur Tengah. Beliau telah mendapat gelaran Doktor Kehormat daripada Universiti al-Azhar di Mesir dan UKM di Malaysia sebagai penghormatan kepada beliau atas ilmu yang dimilikinya dan sumbangannya kepada masyarakat MQS pula merupakan salah seorang daripada ulama Indonesia yang memperolehi ilmu dengan mengikuti pendidikan akademik. Beliau dilahirkan di Rappang, Sulawesi Selatan pada 16 Februari 1944. Beliau banyak menghabiskan masanya untuk belajar di Universiti al-Azhar sehingga beliau memperoleh Doktor Falsafah dalam bidang Tafsir. Beliau juga mempunyai banyak karya dan di antara hasil karya beliau yang sangat terkenal ialah kitab tafsir *al-Misbah*.<sup>40</sup>

## **I. Sistematika Penulisan**

Pengkaji membahagikan kajian ini kepada lima bab. Pada setiap bab itu memiliki sub judul yang ditandai dengan menggunakan nombor dan huruf. Isi kandungan bab-bab tersebut ialah sebagai berikut:

---

<sup>38</sup> *Ibid.*, 120.

<sup>39</sup> HAMKA, *Tasawuf Moden*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dar Al-Nu'man, 2001), iii.

<sup>40</sup> MQS, *Membumikan al-Quran* (Bandung: PT Mizan Pustaka, 2004), XXVIII: 10.

**Pendahuluan:** Pendahuluan terdiri daripada latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, sorotan terhadap kajian terdahulu, skop kajian, metodologi kajian, penjelasan mengenai beberapa istilah yang terdapat pada tajuk kajian dan sistematika penulisan.

**Bab 1:** Bab ini menjelaskan biografi HAMKA dan MQS. Kajian ini meliputi aspek keadaan semasa, latar belakang kehidupan keluarga, pendidikan dan guru-guru mereka serta sumbangan yang telah mereka berikan.

**Bab 2:** Bab ini menjelaskan tentang perkara-perkara penting yang berkaitan dengan tafsir aliran pembaharuan. Ia membincangkan sejarah pertumbuhan dan perkembangan tafsir pembaharuan dan karya-karya yang dihasilkan dalam bidang ini di dunia Islam secara amnya dan di Indonesia khususnya. Bab ini lebih tepat dikatakan sebagai pengenalan bagi tafsir aliran pembaharuan. Dalam bab ini juga dijelaskan tentang tinjauan umum aspek pentafsiran al-Quran. Daripada hasil tinjauan ini akan wujud beberapa aspek yang akan mewarnai perbezaan antara pentafsiran HAMKA dengan MQS.

**Bab 3:** Bab ini mengkaji tentang pentafsiran HAMKA dan MQS terhadap ayat-ayat yang berhubungan dengan tasawuf, politik, ekonomi dan sosial budaya.

**Bab 4:** Bab ini memperbandingkan pemikiran HAMKA dan M.Quraish Shihab dimana ia mencakupi analisis terhadap perbezaan dan persamaannya dalam bidang tasawuf, politik, ekonomi dan sosial budaya.

**Bab 5:** Bab ini merupakan penutup kajian ini. Ia mengandungi rumusan kajian dan kesimpulan yang diperolehi daripada kajian serta saranan-saranan yang dapat dikemukakan kepada pembaca dan pengkaji selanjutnya.